

PERSEPSI PELAJAR TINGKATAN DUA TERHADAP PELAKSANAAN PROJEK KERJA KURSUS DALAM MATAPELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU (EKONOMI RUMAH TANGGA) DI SEKOLAH DAERAH MANJUNG, PERAK

Abd Wahid Bin Mukhari & Zawani Binti Mohamed
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti bagaimana persepsi pelajar terhadap pelaksanaan projek kerja kursus yang dijalankan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga). Persepsi pelajar terhadap pelaksanaan projek kerja kursus ini ditinjau dari tiga aspek iaitu keupayaan diri, peruntukan masa dan aktiviti pembelajaran. Kajian deskriptif ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 196 orang pelajar Tingkatan Dua dari tiga buah sekolah menengah di Daerah Manjung, Perak yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian diproses menggunakan Statistical Packages for social Science (SPSS) versi 16.0 dan dapatan dinyatakan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian ini menunjukkan persepsi responden terhadap projek kerja kursus adalah positif. Kajian ini juga memberikan cadangan untuk menambahbaik pelaksanaan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) di sekolah dan cadangan untuk kajian lanjutan yang boleh dilakukan.

Abstract: This study was aimed to identify how students perceive course work project in Living Skills (Home Economics) subject. The students perception was surveyed through three aspects that are self ability, time allocation and learning activities in the implementation of the course work project. This descriptive study used the questionnaire as the research instrument. There were 196 respondents of Form Two students from three secondary schools of Manjung district participated in this study. The data were analyzed using the Statistical Packages for social Science (SPSS) version 16.0 software and the findings were presented in the form of frequency, percentages, and mean. The findings indicated that the respondent's perceptions towards course work project are positive. This study also proposed suggestions to improve the implementation of the Living Skills (Home Economics) course work project at the schools and further studies that can be carried out.

Katakunci: Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga), projek kerja kursus, sekolah

Pengenalan

Ekonomi Rumah Tangga membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran tentang makanan dan pengendalian makanan, masakan, pakaian dan jahitan. Pelaksanaan projek kerja kursus dalam Pilihan Dua iaitu, Ekonomi Rumah Tangga bagi pelajar Tingkatan Dua adalah penghasilan projek kerja kayu dan penghasilan blaus. Selain projek kerja kursus penghasilan projek kerja kayu dan penghasilan blaus, pelajar membuat kerja amali dalam penyediaan sarapan dan minum pagi atau minum petang serta berpeluang mereka cipta resepi hidangan tersebut. Dalam aspek pakaian, murid mengenal pasti jenis fabrik dan memperoleh kemahiran memilih pakaian. Pelajar menjahit dan menghias blaus untuk kerja jahitan. (Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur, 2002).

Pelaksanaan projek kerja kursus dalam Pilihan Ekonomi Rumah Tangga mempunyai hala tuju ke arah memperkembangkan kebolehan murid dalam kemahiran teknologi, kecenderungan mereka cipta dan semangat keusahawanan. Dalam menghadapi dunia teknologi dan ekonomi yang kompleks dan sentiasa berubah, kemahiran asas yang sedemikian dapat digunakan sepenuhnya untuk membolehkan pelajar berdikari dan yakin diri serta mampu menjalani kehidupan secara produktif.

Penyataan Masalah

Dalam pelaksanaan program Kemahiran Hidup Bersepadu, kerja-kerja amali seperti projek kerja kursus memerlukan perhatian yang lebih oleh pihak sekolah dan pelajar. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap pelaksanaan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) disekolah Daerah Manjung, Perak.

Objektif Kajian

1. Mengetahui persepsi pelajar Tingkatan Dua terhadap keupayaan diri dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) disekolah Daerah Manjung, Perak.
2. Mengetahui persepsi pelajar Tingkatan Dua terhadap peruntukan masa yang ditetapkan dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) disekolah Daerah Manjung, Perak.
3. Mengetahui persepsi pelajar Tingkatan Dua terhadap aktiviti pembelajaran dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) disekolah Daerah Manjung, Perak.

Kepentingan Kajian

1. Membantu para pendidik agar dapat mempertingkatkan peranan mereka dan memberi motivasi dalam memupuk minat pelajar-pelajar terhadap kepentingan projek kerja kursus.
2. Memberi kesedaran kepada pelbagai pihak seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, sekolah dan guru terhadap peranan mereka dalam membantu dan menyediakan kemudahan yang sempurna dalam menjamin kejayaan projek kerja kursus.
3. Memberi kesedaran kepada guru supaya memastikan projek kerja kursus adalah hasil dari kerja tangan pelajar itu sendiri.
4. Sebagai panduan kepada pihak yang memerlukan atau pihak yang terlibat untuk merujuk sekiranya terdapat masalah yang melibatkan projek kerja kursus.

Metodologi

Populasi Kajian

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada 196 pelajar Tingkatan Dua dari tiga buah sekolah di Daerah Manjung, Perak iaitu SMK Seri Manjung, SMK Seri Samudera, dan SMK Tok Perdana yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu pilihan Ekonomi Rumah Tangga.

Beberapa prinsip perlu dipatuhi semasa memilih sampel supaya mengelakkan daripada berlakunya bias dalam proses pemilihan. Kaedah sampel digunakan kerana ia memudahkan kerja penyelidikan. Ini bermakna sebahagian sahaja daripada populasi melalui kaedah persampelan yang dipilih untuk dikaji dan mewakili keseluruhan populasi (Mohd Najib,1999). Persampelan perlu di lakukan semasa menjalankan kajian kerana penyelidik tidak dapat mengkaji kelakuan semua manusia dan perlu menghadkan parameter kajian (Foong , 2008).

Pemilihan sampel kajian bagi kajian ini adalah untuk pengumpulan data kuantitatif. Populasi bagi kajian yang di jalankan ini adalah pelajar Tingkatan Dua yang mengambil pilihan Ekonomi Rumah Tangga dari sekolah menengah harian biasa yang di pilih di daerah Manjung, Perak. Sampel kajian hanya di pilih dari kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah harian biasa yang berada di Tingkatan Dua sahaja kerana pelajar-pelajar Tingkatan Tiga tidak di benarkan oleh pihak Bahagian Perancangan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (EPRD) untuk di jadikan responden dalam kajian ini kerana pelajar-pelajar ini dalam persediaan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Teknik persampelan bagi kajian ini di buat dengan merujuk kepada jadual Krejcie & Morgan (1970) dalam Azizi (2005). Jadual ini di gunakan untuk menentukan jumlah sampel daripada populasi. Populasi kajian ini adalah seramai 400 pelajar-pelajar Tingkatan Dua dari tiga buah sekolah menengah harian biasa di daerah Manjung, Perak. Pemilihan sampel kajian dipilih melalui jenis persampelan rawak. Persampelan rawak yang di pilih bagi penyelidikan yang akan di jalankan ini adalah jenis persampelan rawak mudah. Ia dipilih kerana ia mudah untuk dilaksanakan dan sesuai dengan kajian yang di jalankan oleh penyelidik.

Anggaran saiz sampel bagi kajian yang akan di jalankan ini adalah seramai 196 orang pelajar yang di tentukan kadarnya dengan merujuk kepada jadual Krejcie & Morgan (1970). Untuk mendapatkan saiz sampel sebanyak ini, pelajar-pelajar Tingkatan Dua dari tiga buah sekolah menengah harian biasa di daerah Manjung, Perak di libatkan.

Daripada anggaran saiz populasi iaitu seramai 400 orang pelajar, 196 pelajar sahaja yang di uji. Dengan menggunakan persampelan, senarai yang mempunyai nama atau kod pelajar di buat. Senarai ini adalah kerangka persampelan di atas slip kertas yang berbeza. Seterusnya, slip kertas di lipat, di masukkan ke dalam bekas dan di goncang. Setelah itu, setiap slip di capai secara rawak sehingga mencukupi 196 orang pelajar. Senarai nama atau kod pelajar akan di buat mengikut kelas pelajar di setiap sekolah yang terpilih itu.

Instrumen Kajian

Penyelidik menggunakan teknik soal selidik bagi mendapatkan maklumbalas dan pengumpulan data. Menurut Mc Millan & Schumacher (1984, menyatakan bahawa kajian berbentuk tinjauan dalam penyelidikan pendidikan sangat popular menggunakan teknik soal selidik selain daripada teknik temubual. Penggunaan soal selidik juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh penyelidik. (Mohd Najib, 1999). Ini bertepatan juga dengan pandangan Colombo Palan (1984) yang menegaskan bahawa soal selidik merupakan instrumen kajian yang sering digunakan oleh para penyelidik dalam kajian deskriptif.

Syed Arabi (1993) pula menyatakan bahawa penggunaan soal selidik bagi kajian berbentuk tinjauan adalah amat sesuai digunakan kerana ianya lebih praktikal, berkesan serta menjimatkan masa serta pembelajaran. Malahan soal selidik dapat mengelakkan situasi bias kepada pihak penemubual di mana ianya memberi peluang kepada pihak responden kesempatan untuk berfikir ketika memberi jawapan. Selain itu penyelidik merasakan bahawa instrumen soal selidik ini dapat membantu mencapai objektif kajian dengan lebih jitu dan berkesan. Ini bersesuaian dengan pendapat Wolf (1998) yang menerangkan bahawa pembinaan soal selidik dilakukan berdasarkan beberapa andaian iaitu responden bebas menjawab soalan tanpa gangguan, personaliti penyelidik tidak mempengaruhi responden, responden secara sukarela dan ikhlas menjawab item-item dalam soal selidik, responden mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item dalam soal selidik, responden dapat membaca dan memahami item-item dalam soal selidik, kaedah soal selidik ini mudah dijawab dan kos murah berbanding kaedah temubual.

Pembinaan soal selidik

Penyelidik membahagikan soal selidik kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A melibatkan latar belakang responden dan keluarga. Bahagian B akan melibatkan item-item yang menjawab persoalan kajian yang dikaji oleh penyelidik dari aspek keupayaan diri, peruntukan masa, aktiviti pembelajaran dan latar belakang pelajar.

Bahagian A

Bahagian A mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan latar belakang pelajar. Responden atau subjek dikehendaki menanda (\checkmark) dalam petak yang disediakan bagi maklumat yang tepat dan berkaitan dengan diri responden itu sendiri. Responden dikehendaki menanda (\checkmark) tentang maklumat dirinya, jantina, bangsa, pekerjaan ibu bapa dan pendapatan bulanan keluarga.

Bahagian B

Bahagian B mengandungi 30 kajian yang mewakili tiga pembolehubah iaitu keupayaan diri pelajar, peruntukan masa, dan aktiviti pembelajaran. Setiap pembolehubah kajian itu diwakili oleh sepuluh item.

Kajian Rintis

Kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dibuat adalah bagi memastikan ketepatan item-item soal selidik dari sudut kefahaman responden samada dari bahasa, isi kandungan dan kejelasan maksudnya bagi mendapat kebolehpercayaan. Menurut Best & Kahn (1998) sebarang soal selidik yang dibentuk perlu diuji untuk mengekalkan kualiti dan membantu mencapai objektif penyelidikan. Manakala menurut Mohd Najib (1999), menyatakan bahawa kajian rintis wajar digunakan bagi mendapatkan darjah kebolehpercayaan dalam mengukur ketepatan dan ketekalan instrumen.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Samudera, Perak. Kebolehpercayaan soal selidik boleh ditunjukkan berdasarkan nilai Alpha Crobach. Kaedah Alpha Crobach adalah merupakan satu cara mengukur kebolehpercayaan soal selidik yang dilakukan ke atas satu ujian. (Fraenkel, 1990). Hasil analisis menunjukkan nilai Alpha (α) purata bagi item-item di bahagian B adalah 0.82. Sesuatu ujian kebolehpercayaan adalah dianggap sempurna jika nilai Alpha (α) mencapai 1.0. Penyelidik berkeyakinan bahawa item-item yang telah diubahsuai sesuai digunakan untuk kajian ini kerana memandangkan nilai Alpha (α) yang diperolehi adalah hampir kepada nilai 1.0.

Perbincangan

Perbincangan Latar Belakang Responden

Responden dalam kajian ini melibatkan pelajar Tingkatan Dua yang mengikuti mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) dari tiga buah sekolah di Daerah Manjung, Perak. Seramai 196 responden yang dipilih untuk dianalisis adalah 56 orang responden dari SMK Tok Perdana, 63 orang responden dari SMK Seri Samudera dan 77 orang responden dari SMK Seri Manjung. Didapati hasil kajian ini terdapat seramai 193 orang terdiri daripada perempuan dan 3 orang pula adalah daripada lelaki. Ini bermakna responden perempuan melebihi 190 orang berbanding lelaki. Manakala responden yang terlibat dalam kajian ini kebanyakannya adalah daripada bangsa Melayu iaitu seramai 131 orang daripada 196 orang. Bangsa India pula kedua tertinggi iaitu 63 orang dan bangsa Cina hanya dua orang.

Melalui kajian ini juga terdapat 51 orang responden yang bapanya bekerja dalam sektor swasta dan 59 orang responden yang bapanya bekerja dalam sektor kerajaan. Manakala yang selebihnya terdapat 86 orang responden yang bapanya bekerja dalam sektor lain-lain. Manakala kajian ini juga menunjukkan terdapat 7 orang responden yang ibunya bekerja dalam sektor swasta dan 25 orang responden yang ibunya bekerja dalam sektor kerajaan. Manakala yang selebihnya terdapat 164 orang responden yang ibunya bekerja dalam sektor lain-lain. Ini menunjukkan kebanyakan ibubapa responden tidak bekerja dalam sektor kerajaan dan swasta.

Berdasarkan jumlah pendapatan ibubapa responden yang disenaraikan, kebanyakan berpendapatan antara RM 0-999 iaitu seramai 93 orang. Manakala terdapat 56 ibubapa responden berpendapatan antara RM 1000-1999. Selebihnya terdapat 47 orang responden yang ibubapanya berpendapatan antara RM 2000 ke atas.

Perbincangan Hasil Kajian Berdasarkan Persoalan kajian

i. Apakah persepsi pelajar Tingkatan Dua terhadap keupayaan diri dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) disekolah Daerah Manjung, Perak.

Bagi persoalan kajian pertama ini, didapati bahawa persepsi pelajar terhadap keupayaan diri dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) adalah tinggi. Ini dibuktikan oleh catatan skor keseluruhan min iaitu 3.61.

Kesemua responden dalam kajian ini merupakan pelajar Tingkatan Dua yang mengikuti mata pelajaran Kemahiran Hidup (Ekonomi Rumah Tangga). Oleh itu responden telah berpengalaman melaksanakan projek kerja kursus yang diwajibkan kepada setiap pelajar. Walaupun terdapat 36.6 % pelajar yang beranggapan negative dengan pernyataan mengenai keupayaan diri seperti merasa susah untuk melaksanakan projek kerja kursus, cenderung mengupah projek kerja kursus kepada orang yang lebih pakar dan cenderung meminta bantuan rakan menyiapkan projek kerja kursus namun mereka sedar bahawa keupayaan diri yang tinggi perlu dalam diri masing-masing dalam melaksanakan projek kerja kursus. Sifat ini perlu supaya kerja yang dilakukan dapat mencapai objektif dan matlamat.

Hal ini dinyatakan dalam aspek keupayaan diri di mana 65% bersetuju tentang kepentingan keupayaan diri dalam melaksanakan projek kerja kursus. Ini dapat dibuktikan pernyataan item 6 iaitu pelajar yakin terhadap keupayaan diri mereka dalam menghasilkan projek kerja kursus dengan baik berdasarkan peratus yang paling tinggi iaitu 83.2 % yang melibatkan seramai 163 orang responden daripada 196 orang responden dengan min yang paling tinggi iaitu 4.1

Dari segi kemampuan diri dalam melaksanakan projek kerja kursus didapati hampir kesemua responden menyatakan bahawa mereka mampu melaksanakan projek kerja kursus yang diberikan dengan baik dan sempurna. Pelajar seharusnya mempunyai sikap mempercayai kemampuan diri yang tinggi semasa melaksanakan aktiviti dan projek amali dibengkel. Pergantungan kepada individu lain semasa melaksanakan projek kerja kursus adalah merugikan diri di mana projek kerja kursus yang dihantar adalah bukan hasil usaha sendiri.

Manakala keupayaan diri pelajar dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (ERT) yang paling rendah adalah pelajar cenderung meminta bantuan rakan menyiapkan projek kerja kursus. Ini berdasarkan peratus yang paling rendah iaitu 42.9 % yang hanya melibatkan 103 orang responden daripada 196 orang responden. Ini menunjukkan terdapat segelintir pelajar yang masih tidak mampu untuk melaksanakan projek kerja kursus dengan hasil usaha sendiri. Seseorang pelajar yang mempunyai sikap tanggungjawab yang positif, bermotivasi tinggi, amanah, kreatif

dan inovasi dan berkeinginan mencapai kecemerlangan yang membanggakan mudah mencapai kecemerlangan dari hasil usahanya sendiri.

Secara keseluruhannya hampir kesemua responden bersetuju bahawa pelajar mempunyai keupayaan diri yang tinggi dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga).

ii) Apakah persepsi pelajar Tingkatan Dua terhadap peruntukkan masa dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) disekolah Daerah Manjung, Perak.

Bagi persoalan kajian yang kedua ini, didapati bahawa persepsi pelajar terhadap peruntukkan masa dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) adalah sederhana. Ini dibuktikan oleh catatan skor keseluruhan min iaitu 3.27.

Keputusan seperti peruntukan masa dalam melaksanakan projek kerja kursus dapat mendidik pelajar menghargai masa merupakan skor min tertinggi iaitu 4.17 yang merupakan persepsi pelajar terhadap peruntukkan masa yang ditetapkan di sekolah. Ini menunjukkan melalui peruntukkan masa yang ditetapkan, pelajar akan berusaha menyiapkan projek mengikut masa yang ditetapkan tanpa berlengahlengah. Peruntukkan tempoh masa yang sistematik dalam melaksanakan projek kerja kursus sangat penting untuk pelajar dan guru agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan berkesan. Ini bersesuaian dengan pendapat Ee Ah Meng (1990) yang menyatakan bahawa guru-guru harus mengagihkan masa mengikut setiap langkah pengajaran sebelum disampaikan untuk menjamin proses pengajaran dan pembelajaran mengikut masa yang ditetapkan.

Kenyataan ini diperkuatkan lagi dalam item 12 dimana seramai 53% bersetuju bahawa peruntukan masa dalam melaksanakan projek kerja kursus adalah sistematik. Pernyataan ini disokong oleh pendapat Samsudin (1990) yang menyatakan pengurusan masa ialah proses mengatur aktiviti untuk dilakukan dalam masa yang sesuai supaya mendapat kesan yang maksimum dalam mencapai sesuatu matlamat.

Manakala persepsi pelajar terhadap peruntukkan masa dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (ERT) yang paling rendah adalah masa yang diperuntukkan untuk mempelajari teori lebih banyak berbanding amali iaitu melaksanakan projek kerja kursus. Ini berdasarkan peratus yang paling rendah iaitu 25 % yang hanya melibatkan 49 orang responden daripada 196 orang responden dengan skor min 2.57.

Keputusan ini berketepatan dengan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (ERT) yang sememangnya memerlukan lebih masa untuk aktiviti amali berbanding teori. Hal ini diperkuatkan lagi dengan pernyataan Nordin (1991) yang menyatakan bahawa pengajaran yang menggunakan strategi projek memberi kesan yang mendalam kepada pelajar untuk memahami sesuatu pembelajaran dengan lebih berkesan lagi.

Secara keseluruhannya hampir kesemua responden bersetuju dengan pernyataan positif mengenai peruntukkan masa dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga).

iii) Apakah persepsi pelajar Tingkatan Dua terhadap aktiviti pembelajaran dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) disekolah Daerah Manjung, Perak.

Bagi persoalan kajian yang ketiga ini, didapati bahawa persepsi pelajar terhadap aktiviti pembelajaran dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) adalah sederhana. Ini dibuktikan oleh catatan skor keseluruhan min iaitu 3.44.

Dari segi aktiviti pembelajaran, didapati hampir kesemua pelajar beranggapan positif terhadap aktiviti pembelajaran. Ini dapat bahawa persepsi pelajar terhadap aktiviti pembelajaran dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (ERT) yang paling tinggi adalah aktiviti pembelajaran dalam menghasilkan projek kerja kursus dapat memupuk semangat kerjasama antara rakan dan guru berdasarkan peratus yang paling tinggi iaitu 89.8 % yang melibatkan seramai 176 orang responden daripada 196 orang responden dengan min yang paling tinggi iaitu 4.39.

Nilai murni ini terbit ketika menjalankan aktiviti pembelajaran. Semasa aktiviti pembelajaran dalam melaksanakan projek, pelajar akan berinteraksi dengan guru dan rakan bagi tujuan tunjuk ajar dan bantuan. Ini disokong oleh pendapat Ee Ah Meng (1988), diantara kebaikan kaedah projek ini adalah ia meliputi domain kognitif, afektif dan psikomotor pelajar, menambahkan minat dan motivasi pelajar, mengembangkan sikap tanggungjawab dan inisiatif murid-murid dan yang paling penting pelajar dapat memahami dengan mendalam tentang apa yang dipelajari.

Disamping itu kebanyakan pelajar dapat menonjolkan kreativiti semasa melakukan projek kerja kursus. Pendapat ini disokong oleh Nixon (1982) yang menegaskan kepentingan para pendidik menggalakkan aktiviti kreatif kerana ini memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan atau menguji kemahiran mereka. Walaupun begitu kita sering mengabaikan kemahiran kreatif ini kerana ramai yang percaya bahawa kreatif ini adalah kurnian tuhan kepada segelintir orang manusia terpilih sahaja. Perkara ini ada dinyatakan dalam buku Ainun dan Abdullah (1994).

Menurut Ee Ah Meng (1989), yang antara lain menyatakan diantara kebaikan kaedah projek yang dilakukan oleh pelajar akan dapat menambah penguasaan topik dengan lebih mendalam tentang apa yang diajarkan.

Manakala persepsi pelajar terhadap aktiviti pembelajaran dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (ERT) yang paling rendah adalah pelajar lebih suka projek kerja kursus ini dijalankan secara berkumpulan. Ini berdasarkan peratus yang paling rendah iaitu 20.5 % yang hanya melibatkan 40 orang responden daripada 196 orang responden.

Sememangnya projek kerja kursus diwajibkan kepada setiap pelajar secara individu, namun terdapat segelintir pelajar yang lebih suka projek kerja kursus ini dijalankan secara berkumpulan. Berdasarkan keputusan ini menunjukkan bahawa lebih ramai pelajar suka projek kerja kursus ini dijalankan secara individu berbanding kumpulan. Ini dibuktikan dengan peratusan responden yang bersetuju untuk pernyataan item 27 iaitu pelajar yang lebih suka projek kerja kursus ini dijalankan secara individu iaitu sebanyak 38.3% berbanding responden yang bersetuju dengan pernyataan item 26 iaitu pelajar yang lebih suka projek kerja kursus ini dijalankan secara kumpulan iaitu sebanyak 20.5% .

Secara keseluruhannya hampir kesemua responden bersetuju dengan pernyataan positif mengenai aktiviti pembelajaran dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga).

Rumusan

Rumusan latar belakang responden

Rumusan kajian bagi aspek demografi adalah seperti berikut:

I. Responden yang dipilih untuk kajian ini terdiri daripada 196 orang pelajar Tingkatan Dua yang sedang mengikuti mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) dimana dapatan menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki.

II. Dari aspek pendapatan ibubapa, kebanyakan ibubapa berpendapatan di bawah RM 1000 dimana kebanyakan ibubapa tidak bekerja dibawah kerajaan atau swasta.

Rumusan Persoalan Kajian

Rumusan persoalan kajian adalah seperti berikut:

i) Rumusan Persoalan Kajian 1

Bagi persoalan kajian yang pertama ini, didapati kebanyakan maklumbalas responden adalah dapat menyokong setiap item yang berkaitan dengan keupayaan diri pelajar dimana keseluruhan min bagi persoalan kajian ini adalah 3.61.

Dapatan yang paling tinggi iaitu item 6 untuk pernyataan pelajar yakin dengan keupayaan diri mereka dalam menghasilkan projek kerja kursus yang baik, min adalah 4.1. Seramai 163 orang responden iaitu 83.2% bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan terendah pula adalah item 10 iaitu pelajar cenderung meminta bantuan rakan menyiapkan projek kerja kursus, dimana hanya 42.9% menjawab bersetuju, 9.7% tidak pasti dan 47.5% menjawab tidak bersetuju. Min untuk item ini ialah 2.94.

Pada keseluruhannya, sememangnya pelajar mempunyai keupayaan dan kemampuan dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga). Ini dapat dilihat pada min keseluruhan bagi persoalan kajian ini adalah pada tahap tinggi iaitu 3.61, dimana kebanyakan responden bersetuju dengan item-item yang diberikan.

ii) Rumusan Persoalan Kajian 2

Bagi persoalan kajian yang kedua ini, didapati kebanyakan maklumbalas responden adalah dapat menyokong setiap item yang berkaitan dengan peruntukan masa yang ditetapkan dalam melaksanakan projek kerja kursus dimana keseluruhan min bagi persoalan kajian ini adalah 3.27.

Dapatan yang paling tinggi iaitu pernyataan peruntukan masa dalam melaksanakan projek kerja kursus dapat mendidik pelajar menghargai masa untuk item 15, min adalah 4.17. Seramai 158 orang responden iaitu 80.6% bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan terendah pula adalah item 19 iaitu masa yang diperuntukkan untuk mempelajari teori lebih banyak berbanding amali iaitu melaksanakan projek kerja kursus dimana hanya 25% menjawab bersetuju, 19.4% tidak pasti dan 55.6% menjawab tidak bersetuju. Min untuk item ini ialah 2.57.

Pada keseluruhannya, pelajar beranggapan peruntukan masa yang ditetapkan sesuai dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga). Ini dapat dilihat pada min keseluruhan bagi persoalan kajian ini adalah pada tahap sederhana iaitu 3.27, dimana kebanyakan responden bersetuju dengan item-item yang diberikan.

iii) Rumusan Persoalan Kajian 3

Bagi persoalan kajian yang ketiga ini, didapati kebanyakan maklumbalas responden adalah dapat menyokong setiap item yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran dalam melaksanakan projek kerja kursus dimana keseluruhan min bagi persoalan kajian ini adalah 3.44.

Dapatan yang paling tinggi iaitu pernyataan aktiviti pembelajaran dalam menghasilkan projek kerja kursus memberi faedah kepada pelajar untuk kegunaan masa depan untuk item 22, min adalah 4.39. Seramai 176 orang responden iaitu 89.8 % bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan terendah pula adalah item 26 iaitu pelajar lebih suka projek kerja kursus ini dijalankan secara individu, dimana hanya 20.5 % menjawab bersetuju, 10.2 % tidak pasti dan 69.4 % menjawab tidak bersetuju. Min untuk item ini ialah 2.1.

Pada keseluruhannya, persepsi pelajar adalah positif terhadap aktiviti pembelajaran dalam melaksanakan projek kerja kursus dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga). Ini dapat dilihat pada min keseluruhan bagi persoalan kajian ini adalah pada tahap sederhana iaitu 3.44, dimana kebanyakan responden bersetuju dengan item-item yang diberikan.

Rujukan

- Asmuni (2000). *Persepsi Pelajar Terhadap Kerja Amali Kemahiran Hidup Teras*. Projek Sarjana Muda, UTM: Johor Darul Takzim.
- Ab. Rahim Selamat (2000). *Pengurusan Sekolah Bestari*. Badan Cemerlang Sdn. Bhd. 46-88.
- Abu Zahari Abu Bakar (1987). *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Atan Long (1991) *Pedagogi : Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya : Amiza Publishing Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya *et al*, (2005). *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya *et al*, (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Penyelidikan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, (1999). *Penggunaan Model Kipp Dalam Penilaian Matapelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Baron, R.A, (1989). *Psycholog: The Essential Science*. Boston; Allyn & Bacon.
- Beck, R.C, (1983). *Motivation: Theories and Principles*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice hall, Inc.
- Best, J.W Dan Kahn, J.V. (1998). *Research In Education*. 8th ed. MA; Allyn And Bacon.
- Colombo Palan Staff College For Technical Education (1984). *Developing Skills in Technician Education Research; Data Analysis and Interpretation of Results Module 8*. Singapore Photoplays Private Limited.
- Crow dan Crow (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ee Ah Meng (1993). *Pedagogi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Fakhri Sulai (2003). *Pengurusan Masa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Tingkatan Tiga*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis.
- Fullan, M.G. (1992). *Visions that Blind*. *Educational Leadership* 49 (5), 19-20.
- Gay, L.R. (1996). *Educational Researcher; Competencies For Analysis And Application*. 5th ed. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Jerrold E. Kemp, ed. D (1987). *Corak Rancangan Pengajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka. 48.
- Kamus Dewan (1997). *Kamus Dewan, Edisi Ketiga*. Ampang: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hj. Ab. Fatah Hassan (1990). *Penggunaan Minda Yang Optimum Dalam Pembelajaran*. Unit Penerbitan Akademik Universiti Teknologi Malaysia. 82.
- Mc Millan, J.H & Schumacher, S. (1984). *Research In Education*. Boston: Little Brown & Company Limited.